

KUIZ EKONOMI FEP 2016

1. LATAR BELAKANG

Fakulti Ekonomi & Pentadbiran (FEP) Universiti Malaya telah diasaskan pada tahun 1966 oleh Professor Diraja Ungku Aziz. Tahun ini, FEP akan menyambut perayaan Jubli Emas, sempena 50 tahun penubuhannya. Sehubungan dengan itu, beberapa program telah dirancang bagi meraikan perayaan Jubli Emas FEP, antaranya adalah Kuiz Ekonomi FEP dengan objektif utama untuk mewujudkan rantaian hubungan antara FEP dengan pelajar pra-universiti dan kolej matrikulasi.

Kertas kerja ini disediakan untuk memperincikan program Kuiz Ekonomi bersempena sambutan Jubli Emas FEP 2016. Kuiz Ekonomi FEP ini merupakan satu kesinambungan daripada legasi FEP sejak masa lalu. Kuiz ini terbuka kepada semua pelajar Tingkatan Enam Rendah dan Kolej-kolej Matrikulasi di seluruh negara. Selain hadiah wang tunai, sijil dan plak, kuiz ekonomi FEP turut menawarkan piala pusingan berupa Piala Dekan-Dekan Fakulti kepada sekolah yang dinobatkan sebagai Johan. Memandangkan kuiz ini dianjurkan pada peringkat kebangsaan, kejayaan menjuarai kuiz akan membawa imej yang baik kepada sekolah atau kolej matrikulasi berkenaan.

2. OBJEKTIF

Objektif utama bagi penganjuran program adalah untuk:

- Mempromosikan FEP kepada umum bersempena sambutan Jubli Emas 2016.
- Memberi pendedahan tentang program Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya kepada bakal-bakal pelajar universiti.
- Meningkatkan pengetahuan ekonomi di kalangan pelajar STPM (pelajar Tingkatan Enam Rendah) dan Matrikulasi.

3. BUTIR-BUTIR PROGRAM KUIZ EKONOMI

3.1 Tarikh dan Tempat:

Tarikh & Masa: 24 September 2016 (Sabtu) 8.00 pg hingga 5.00ptg

Tempat: FEP, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

3.2 Hadiah yang ditawarkan:

Semua peserta, sekolah dan kolej matrikulasi yang menyertai Kuiz Ekonomi FEP akan menerima sijil penyertaan.

Pemenang Kuiz Ekonomi FEP akan menerima ganjaran berikut:

| | |
|-----------------------|---|
| Johan | Piala Pusingan Dekan-Dekan Wang Tunai RM3000 Plak untuk Pelajar |
| Naib Johan | Wang Tunai RM2000 Plak untuk Pelajar |
| Saguhati (2 Kumpulan) | Wang Tunai RM1000 dan Plak untuk Pelajar |